

12/05/1999

Generasi muda perlu kenali pejuang bangsa

KOTA BHARU, Selasa - Rakyat terutama generasi muda hari ini seharusnya mengingati dan mengenali lahirnya sebuah perjuangan bangsa yang mendaulatkan negara ini sehingga mencapai kemerdekaan daripada penjajahan Inggeris.

Kelahiran perjuangan itu yang menjadi sejarah besar kepada negara dan bangsa Melayu itu adalah menerusi Umno yang kini berjaya meletakkan Malaysia sebagai negara berdaulat.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa berkata, menerusi Ummolah menjadikan bangsa Melayu sekarang bermaruah hasil perjuangan pemimpin lalu.

Katanya, sebagai sebuah negara berdaulat adalah penting rakyat negara ini meningkatkan keazaman dan mengukuhkan semangat perpaduan bagi menempuh pelbagai cabaran baru pada alaf akan datang.

"Oleh itu, hari ini adalah hari kelahiran sebuah perjuangan bangsa Melayu melalui Umno dan marilah kita kenang sebagai satu malam bagaimana lahirnya perjuangan yang mendaulatkan agama, bangsa dan negara.

"Menerusi perjuangan Umno juga, ia berjaya mengubah bangsa kita (Melayu) menjadi bangsa bermaruah lagi berdaulat," katanya pada majlis Malam Puisi Putra, di Pusat Ukhuwah, Tarbiah dan Riadah Rakyat (Putra), Kampung Chengal, Kadok, dekat sini, malam tadi.

Malam puisi itu diadakan sebagai sambutan ulang tahun kelahiran Umno ke-53 serta sempena meraikan peserta persidangan mesyuarat Penyelarasan Pembangunan Luar Bandar yang berlangsung selama dua hari di Kota Bharu dan berakhir petang semalam dengan penutupnya dilakukan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Antara yang menyertai deklamasi Malam Puisi Putra dan nyanyian lagu-lagu puisi ialah Marsli NO, Julfikar, Ras Adiba Radzi, Ramli Sarip, M Nasir dan Marlia Musa.

Annuar juga mendeklamasi sebuah puisi bertajuk Warkah Buat Bapa hasil nukilan Ras Adiba manakala puisi nukilan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dideklamasikan Ras Adiba sendiri selaku pengacara majlis.

Sehubungan itu, Annuar meminta rakyat terus bersatu dalam sebuah negara merdeka bagi melahirkan bangsa yang kuat dan mampu membawa negara ke era kemajuan yang lebih besar menerusi perjuangan Umno.

Katanya, rakyat juga perlu memelihara nilai seni budaya bangsa agar terus hidup subur sebagai salah satu pencetus semangat kepada bangsa bertamadun.

"Seperti puisi ia mampu membawa kita menyelami semangat perjuangan bangsa, agama, perpaduan dan nilai patriotisme menerusi kata-kata yang penuh makna," katanya.

(END)